

1 November 2016

KENYATAAN AKHBAR

NUJ DESAK STRUKTUR SEMULA UTUSAN

Kesatuan Kebangsaan Wartawan (NUJ) Semenanjung Malaysia hari ini mendesak pemegang saham terbesar di Utusan Melayu (M) Berhad supaya bertindak segera menstruktur semula syarikat akhbar Melayu tertua di Malaysia itu berikutan pelbagai masalah kewangan yang dihadapi ketika ini.

Ini termasuklah kerugian yang terus dicatat Utusan sejak 2009 sehingga ke hari ini selain pembayaran lewat gaji kakitangannya sejak kebelakangan ini, kejatuhan pengedaran akhbar dan pendapatan iklan serta kekerapan terpaksa membayar ganti rugi akibat kalah dalam saman di Mahkamah.

Paling menyedihkan apabila syarikat terpaksa menggunakan wang potongan pinjaman peribadi kakitangan kepada pihak bank untuk meneruskan operasi syarikat buat masa ini.

Situasi tersebut menyebabkan kakitangan terpaksa menanggung tunggakan hutang daripada pinjaman peribadi tersebut yang sudah tidak dibayar sejak dua bulan yang lalu.

Bagaimanapun NUI tidak menyalahkan Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Noordin Abbas dan Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Aziz Ishak dalam isu ini kerana mereka dilihat berusaha keras memastikan 'survival' Utusan.

Sebaliknya pihak pengurusan kanan di Utusan tidak turut bersama-sama membantu dan berusaha menjana semula pendapatan syarikat seperti hanya melepaskan batuk di tangga.

Di samping itu sokongan yang diperlukan daripada orang Melayu termasuk syarikat berkaitan kerajaan GLC dan kementerian-kementerian dalam membantu Utusan juga dipandang sepi.

Sehubungan itu NUI mencadangkan agar UMNO dan pemegang saham terbesar berbincang bagaimana untuk memulihkan semula Utusan dengan segera termasuk pengambil-alihan saham oleh pihak lain.

NUJ bersedia bertemu dengan pemegang saham terbesar Utusan untuk menyalurkan pandangan pihak ketiga dalam isu berkaitan demi 'survival' Utusan dan kakitangannya.

Untuk rekod, Utusan sudah dua kali lewat membayar gaji kakitangannya. Kali pertama ialah pada Julai lalu dan terbaru ialah pada 31 Oktober 2016 malah ia kemungkinan berlarutan sehingga hujung tahun ini.

Dalam kebanyakan kes saman di Mahkamah pula, Utusan terpaksa membelanjakan banyak wang untuk membayar ganti rugi selepas kalah dalam perbicaraan.

Dalam isu kerugian yang dicatatkan Utusan, NUJ mendesak UMNO agar membenarkan kewangan syarikat diaudit oleh pihak ketiga yang berwibawa dalam usaha untuk mengesan sebarang ketirisan dan penyelewengan.

Ahli Majlis Tertinggi NUJ Malaysia.